

# USIM jadi pusat sukan berbasikal

**SEREMBAN 6 Okt.** - Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin mahu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini menjadi pusat kecemerlangan sukan berbasikal institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Beliau berkata, hasrat itu mampu dicapai memandangkan universiti berkenaan sudah pun melaksanakan budaya berbasikal di dalam kampus.

Pada masa sama, katanya, USIM mempunyai kelebihan kerana kampusnya yang terletak berhampiran velodrom tertutup kelas satu yang akan dibina di Nilai.

"Saya mahu lahirkan atlet-atlet berbasikal di sini, kita akan sediakan blue print bagaimana hasrat ini dapat dilaksanakan dengan beberapa perancangan selepas ini bagi menaikkan nama USIM

"Saya akan berbincang dengan Naib Canselor bagaimana cadangan ini boleh dijayakan," katanya ketika merasmikan FitMalaysia Uni@USIM di Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr. Musa Ahmad dan para pegawai kanan USIM.

Velodrom berkenaan yang diumumkan pembinaannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan Bajet 2013 akan menjadi venue acara berbasikal Sukan SEA 2017.

Sementara itu, Musa berkata, pihaknya berbangga kerana diberi kepercayaan untuk menjadi pusat kecemerlangan sukan berbasikal tersebut oleh kerajaan.



**KHAIRY JAMALUDDIN** bersalaman dengan pelajar sambil diperhatikan Musa Ahmad (kiri) semasa merasmikan FitMalaysia Uni@USIM di Nilai, Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Menurutnya, USIM sudah pun melaksanakan pembudayaan berbasikal di sekitar kampus sebagai aktiviti riadah untuk para mahasiswa dan kakitangan universiti berkenaan.

"Setiap Rabu semua warga USIM diwajibkan berbasikal sekitar kampus dan pada hari lain digalakkan berbuat demikian mengikut kelapangan masing-masing," ujarnya.

Beliau memberitahu, sebagai langkah proaktif, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan turut memberi sum-

bang 50 buah basikal bagi menjayakan usaha berkenaan.

Tambahnya, USIM juga akan membina trek berbasikal sekitar kawasan kampusnya yang luas sebagai satu pilihan kepada penunggang sama ada mahu menggunakan jalan biasa atau laluan berbukit.

"Pembinaan velodrom kelas satu berhampiran kampus USIM juga akan memberi satu kelebihan kepada universiti ini yang mana kami harap dapat melahirkan atlet pelapis berbasikal satu hari nanti," katanya.